

# UMS rancang bangunkan Program Pascasiswazah Perubatan Anestesia

UB 28.08.2022 P.08

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) sedang dalam proses membangunkan Program Kepakaran Pascasiswazah Anestesiologi dan Rawatan Rapi serta beberapa program klinikal yang lain. Ia selaras dengan pewujudan Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS), di samping keperluan perkhidmatan kepakaran klinikal di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Sabah.

Menurut Ketua Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi FPSK, Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, pembangunan program-program kepakaran itu dijangka akan merancakkan lagi ekosistem akademik klinikal perubatan di negeri ini dan serantau.

“Keperluan penghasilan pakar-pakar tempatan dalam bidang-bidang ini sangat kritikal. Ia adalah usaha untuk membangunkan modal insan yang akan berbakti kepada Sabah dan seterus-



**TERIMA KASIH:** Dr. Zalina (tengah) menerima cenderamata daripada D Kamarudin.

nya memberi perkhidmatan kepakaran yang menyeluruh di fasiliti-fasiliti kesihatan dan perubatan di rantau ini,” katanya.

Terbaru, FPSK telah mengadakan program perkongsian bersama Ketua Perkhidmatan Anestesia dan Rawatan Rapi Malaysia, Dr. Zalina Abdul Razak, bagi membincangkan potensi dan peluang kolaborasi di antara UMS dan KKM.

“Program ini diharap dapat memberi hala tuju yang lebih

bersepada dalam kerjasama antara UMS, agensi berkaitan, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dan KKM untuk misi menghasilkan pakar-pakar bagi memenuhi keperluan serantau.

“Dengan berpindahnya ibu negara Indonesia ke Pulau Borneo, dijangka mengakibatkan pertambahan bilangan penduduk serantau. Ini akan memerlukan ekosistem kesihatan yang lebih mampan dan bilangan pakar yang lebih ramai,” katanya.